

## TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN KEMPEN JOMPAY SELURUH NEGARA 2018

Terma dan Syarat Tambahan ini perlu dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat Promosi yang terdapat di <http://jompay.com.my/JomPAY-Fire-This-Baby-Up>

### Tempoh Promosi

“Kempen JomPAY Seluruh Negara” Hong Leong Connect (“**Promosi**”) oleh Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”) [secara kolektifnya dan selepas ini dirujuk sebagai “Bank”] berlangsung mulai 1 Mei 2018 (00:00 MYT) hingga 30 September 2018 (23:59 MYT) (“**Tempoh Promosi**”), termasuk kedua-dua tarikh melainkan diberitahu sebaliknya.

### Terma dan Syarat

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi (“**T&S**”):-

#### **Kelayakan**

1. Promosi ini terbuka untuk semua pelanggan individu sedia ada dan yang baharu, termasuk pekerja tetap dan pekerja kontrak Bank, yang menjadi pelanggan berdaftar Perbankan Internet Hong Leong Connect dan/atau Aplikasi Connect (“**Pengguna Connect**”).

Bagi mengelakkan keraguan, pelanggan individu baharu adalah individu yang bukannya Pengguna Connect sebelum Tempoh Promosi dan berdaftar sebagai Pengguna Connect semasa Tempoh Promosi.

#### **Tatacara Promosi**

2. Melainkan dan kecuali untuk pendaftaran Perbankan Internet Hong Leong Connect dan/atau Aplikasi Connect seperti yang dinyatakan dalam Klausula 1 di atas, pendaftaran lain tidak diperlukan untuk menyertai Promosi ini.
3. Pengguna Connect berpeluang menerima amaun Pulangan Tunai seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah dengan syarat bahawa keperluan berikut dipenuhi (“**Kriteria Promosi**”):-
  - a. Pembil JomPAY disimpan sebagai “Kegemaran”; dan
  - b. Pembayaran Pembil “Kegemaran” JomPAY melalui Perbankan Internet Hong Leong Connect atau Aplikasi Connect,

Bagi mengelakkan kekeliruan, Pengguna Connect yang memenuhi Kriteria promosi di atas akan dirujuk sebagai “**Pengguna Connect yang Layak**” dan Klausula 3(a) dan (b) secara kolektifnya dikenali sebagai “**Transaksi yang Layak**”.

4. Bank akan memperuntukkan maksimum sebanyak Empat Puluh Satu Ribu Lima Ratus Ringgit (RM41,500.00) bagi memenuhi keperluan Pulangan Tunai sepanjang Tempoh Promosi (“**Had Pulangan Tunai**”).

Walau apa pun yang terkandung di sini, Pulangan Tunai tidak akan diberikan sebaik sahaja Had Pulangan Tunai dicapai.

### Pulangan Tunai

Bulan Promosi	Jumlah Bilangan Pemenang	Pulangan Tunai
1 - 31 Mei 2018	166	RM50 setiap Pemenang
1 - 30 Jun 2018	166	
1 - 31 Julai 2018	166	
1 - 31 Ogos 2018	166	
1 - 30 September 2018	166	

- Setiap Pengguna Connect yang Layak berhak menerima satu (1) kali Pulangan Tunai bagi setiap Bulan Promosi.
- Pemenang bulanan ("**Pengguna Connect Yang Layak dan Berjaya**") akan dipilih berdasarkan bilangan pembayaran Pembil "Kegemaran" JomPAY tertinggi yang dilaksanakan, mengikut siapa cepat, dia dapat.

### Pencapaian Pulangan Tunai

- Pengguna Connet Yang Layak dan Berjaya akan dimaklumkan oleh Bank sama ada melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("**SMS**") atau melalui sebarang cara lain yang dianggap praktikal oleh Bank ("**Pemberitahuan Pulangan Tunai**") melalui usaha yang terbaik menggunakan nombor telefon atau alamat terkini seperti yang dirakamkan atau ditunjukkan pada sistem dan/atau rekod Bank.

Bagi mengelakkan kekeliruan, Pengguna Connect mempunyai tanggungjawab / kewajipan untuk memberikan nombor telefon dan alamat mereka yang terkini dan tepat kepada Bank. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan / bertanggungjawab sekiranya tidak dapat menghantar / menyampaikan Pemberitahuan Pulangan Tunai disebabkan nombor telefon dan / atau alamat yang tidak tepat / tidak dikemaskinikan yang disediakan oleh Pengguna Connect, atau SMS tidak dapat dihantar / disampaikan disebabkan gangguan perkhidmatan pembekal perkhidmatan mobile. Perkhidmatan SMS bagi promosi ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D), vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh Bank.

- Pulangan Tunai akan dikreditkan ke akaun Semasa atau Simpanan / akaun Semasa-i atau Simpanan-i ("CASA / CASA-i") yang dibuka oleh Pengguna Connect yang Layak dan Berjaya dengan Bank sebagaimana yang ditentukan oleh Bank sebelum tarikh-tarikh di bawah.

Bulan Promosi	Tarikh Kredit Pulangan Tunai bagi Pengguna Connect yang Layak dan Berjaya ("Tarikh Kredit Pulangan Tunai")
1 - 31 Mei 2018	31 Julai 2018
1 - 30 Jun 2018	31 Ogos 2018
1 - 31 Julai 2018	30 September 2018
1 - 31 Ogos 2018	31 Oktober 2018
1 - 30 September 2018	30 November 2018

- CASA / CASA-i Pengguna Connect yang Layak dan Berjaya perlu aktif dan sah pada Tarikh Kredit Pulangan Tunai, jika tidak Pulangan Tunai akan ditarik balik oleh Bank mengikut budi bicaranya.
- Sekiranya Pengguna Connect yang Layak dan Berjaya tidak menerima Pulangan Tunai sebelum Tarikh Kredit Pulangan Tunai, maka menjadi kewajipan Pengguna Connect yang Layak dan Berjaya untuk menghubungi Bank berkenaan dengan kegagalan menerima Pulangan Tunai dalam tempoh 30 hari dari Tarikh Kredit Pulangan Tunai, jika tidak Pengguna Connect yang Layak dan Berjaya dianggap telah menerima Pulangan Tunai dan apa-apa tuntutan untuk pembayaran balik Pulangan Tunai tidak akan dilayan oleh Bank.

## Am

11. Melalui penyertaan dalam Promosi ini, Pengguna Connect bersetuju:
  - a. Bahawa mereka telah membaca dan memahami T&S yang terkandung dan bersetuju untuk mematuhi T&S Promosi, terma dan syarat Hong Leong Connect dan terma dan syarat lain yang berkaitan yang Bank mungkin akan kenakan dari semasa ke semasa;
  - b. Bahawa keputusan Bank dalam segala hal yang berkaitan dengan Promosi ini termasuk kelayakan Pulangan Tunai adalah muktamad dan mengikat dan sebarang surat-menyurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan lagi;
  - c. Bahawa Pulangan Tunai tidak boleh dipindahkan kepada pihak ketiga, tidak boleh ditukar menjadi kredit, cek atau yang seumpamanya;
  - d. Untuk membenarkan Bank mendedahkan data peribadi mereka seperti nama, nombor telefon, nombor KP kepada pembekal perkhidmatan (M3 Tech) yang dianggap sesuai oleh Bank bagi tujuan Promosi ini;
  - e. Untuk membenarkan Bank menerbitkan atau memaparkan nama dan nombor KP mereka (dalam bentuk terlindung) dalam media, bahan pemasaran atau pengiklanan untuk tujuan Promosi ini; dan
  - f. Untuk mengakses [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("**Laman Web HLB**") dan/atau [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("**Laman Web HLISB**") pada selang masa yang kerap dan mendapat kemas kini tentang sebarang perubahan atau variasi T&S Promosi ini.
12. Bank berhak untuk:
  - a. Menambah, menghapuskan atau meminda T&S ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau untuk menggantung atau menamatkan Promosi ini mengikut budi bicaranya, dengan cara menyiarkan melalui Laman Web HLB dan/atau Laman Web HLISB atau melalui apa-apa cara lain yang dianggap praktikal oleh Bank;
  - b. Menarik balik Pulangan Tunai sekiranya tidak mematuhi T&S yang terkandung ini;
  - c. Membatalkan mana-mana Pengguna Connect daripada menyertai Promosi ini dan/atau daripada menerima Pulangan Tunai:
    - i. Jika Pengguna Connect telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan penipuan, menyalahi undang-undang dan haram (termasuk perjudian) berhubung dengan mana-mana akaun Pengguna Connect dan/atau mana-mana perkhidmatan atau kemudahan Bank; dan
    - ii. Jika Pengguna Connect telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen sama ada oleh bank-bank atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi.
  - d. Mengubah, menambah, membatalkan atau menggantikan Pulangan Tunai dengan hadiah lain yang sama nilai atas sebarang sebab dengan notis awal kepada Pengguna Connect.
13. T&S yang terkandung hendaklah dibaca bersama-sama dengan terma dan syarat Hong Leong Connect sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S ini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut.
14. T&S yang terkandung akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pengguna Connect bersetuju untuk menghormati bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
15. Sekiranya berlaku percanggahan antara T&S ini berbanding dengan iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Promosi ini, T&S akhir pada Laman Web HLB dan/atau Laman Web HLISB akan digunakan.

Terma dan Syarat Tambahan dan Terma dan Syarat Promosi (secara kolektifnya “Terma dan Syarat”) adalah terikat untuk semua Pelanggan yang menyertai Promosi ini (“Pelanggan yang Layak”). Definisi dalam Terma dan Syarat Promosi hendaklah terpakai melainkan dinyatakan secara khusus dalam Terma dan Syarat Tambahan. Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara Terma dan Syarat Tambahan dan Terma dan Syarat Promosi, Terma dan Syarat Promosi akan mengatasi sejauh mana ketidakselarasan itu.

Kemasukan dan penyertaan dalam Promosi akan dianggap sebagai penerimaan tanpa syarat Terma dan Syarat oleh Pelanggan yang Layak.